

Muka parah telefon bimbit diragut

kosmo 25/11/2009 MS 8

Oleh SITI KAMILAH MUSTAPHA
kamilah.mustapha@kosmo.com.my

SUNGAI PETANI - Lagi mangsa ragut. Jika dalam kejadian di Alor Setar Rabu lalu, seorang warga emas, Fatimah Salleh meninggal dunia apabila beg digalasnya diragut, kelmarin seorang pelajar cedera parah.

Dalam kejadian pada pukul 9 malam kelmarin di hadapan Sekolah Kebangsaan (SK) Semeling, Pekan Semeling dekat sini, mangsa seorang pelajar perempuan cedera teruk setelah dia terjatuh dari motosikal yang diboncengnya selepas motosikal tersebut ditendang peragut yang kemudian melarikan telefon bimbit milik mangsa.

Semasa kejadian mangsa, Nadirah Saerah Mohd. Zin, 14, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Layar membonceng motosikal yang ditunggangi rakannya, Norhafizah Abd. Rahman, 16.

Mereka ketika itu dalam perjalanan pulang ke rumah selepas Nadirah membeli kad prabayar telefon bimbit di kedai runcit.

Dalam perjalanan pulang, cerita Nadirah dari Kampung Paya Suri di sini, sebuah motosikal lain yang ditunggangi seorang remaja lelaki mengekori motosikal dinaiki me-

reka sebelum motosikal remaja itu menghimpit dan menendang motosikal mereka.

Tindakan remaja itu menyebabkan, Norhafizah gagal mengawal motosikal yang ditungganginya sehingga ia terbabas dan terbalik.

"Remaja itu cepat-cepat turun daripada motosikalnya dan merampas telefon bimbit Nokia 2600 daripada tangan saya sebelum saya pengsan," kata Nadirah.

Akibat kejadian itu, Nadirah cedera di muka, tangan dan perut serta pengsan empat jam akibat kecederaan dialaminya.

Norhafizah pula hanya luka-luka kecil di kaki.

Remaja itu turun daripada motosikalnya dan merampas telefon bimbit Nokia 2600 daripada tangan saya sebelum saya pengsan

NADIRAH SAERAH

Dua pelajar itu kemudian dihantar oleh orang ramai ke Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) Sungai Petani untuk rawatan.

Nadirah terpaksa menerima berpuluh-puluh jahitan di kanan muka dan tangannya sebelum dibenarkan keluar dari wad pada pukul 1 pagi semalam.

Sementara itu, ibu mangsa, Rokiyah Hashim, 53, berkata, dia mengetahui kejadian itu setelah dimaklumkan oleh abang Nadirah pada pukul 9.30 malam kelmarin.

"Ketika berada di wad kecemasan, anak saya tidak sedarkan diri dan berada dalam keadaan berlumuran darah. Saya betul-betul takut melihat keadaannya ketika itu," jelasnya.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Supritendan Ong Aik Chang ketika dihubungi mengesahkan kejadian tersebut.

Menurut beliau, polis telah mengambil kenyataan daripada Nadirah dan Norhafizah bagi menjalankan siasatan.

Rabu lalu, Fatimah maut selepas diragut seorang lelaki di Jalan Langgar-Pendang, dekat Alor Setar.

Kejadian berkenaan itu berlaku ketika warga emas itu membonceng motosikal yang ditunggangi anak saudaranya, Zaharuddin Ramli, 44.

NADIRAH

